

Usahawan
& Strategi

Covid 19, PKP dan Kontrak: Implikasi Undang-Undang

Syafini Muda@Yusof1, Shahariah Harun2, Noorimah Mis-
nan3,
Wan Mardiana Wan Musa4
syafini@uitm.edu.my

Undang-undang kontrak di Malaysia ditadbir oleh Akta Kontrak 1950. Menurut seksyen 2(h), kontrak ialah suatu perjanjian yang dikuatkuasakan oleh undang-undang. Kedua-dua pihak berkontrak hendaklah menyempurnakan terma-terma perjanjian sebagaimana yang telah dipersetujui dan termaktub di dalam kontrak. Kegagalan atau keingkaran mematuhi terma-terma perjanjian boleh terdedah kepada tindakan undang-undang. Mahkamah boleh memerintahkan pembayaran ganti rugi kepada pihak yang terkilan.

Apabila pandemik Covid-19 merebak ke seluruh dunia, antara tindakan drastik yang telah diambil oleh beberapa negara yang terlibat ialah pengistiharan "lockdown". Keseluruhan sektor ekonomi, pendidikan, perniagaan, sosial, upacara keagamaan, perhimpunan awam, sukan dan sebagainya telah diarahkan tutup untuk tempoh tertentu bagi tujuan memutuskan rangkaian kebolejangkitan virus Covid-19. Malaysia tidak terkecuali. Malaysia telah mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18hb Mac 2020.

Covid -9 dan pelaksanaan PKP ini telah memberi implikasi kepada pelaksanaan sesebuah kontrak, terutamanya kontrak komersial seperti transaksi perdagangan dan perniagaan. Ramai peniaga berdepan dengan pelbagai masalah. Banyak pihak gagal menjalankan tanggungjawab masing-masing seperti yang dituntut dalam kontrak yang telah dimeterai. Persoalannya, bolehkah ganti rugi dituntut dalam keadaan begini?

Terma perjanjian di dalam kontrak perlu diteliti. Sekiranya terdapat klausa "*force majeure*" di dalam kontrak tersebut yang ada menyatakan keadaan kontrak terhalang untuk diambil manfaat komersial atau ada menyatakan tentang hak untuk tidak melaksanakan kewajipan di dalam kontrak kerana faktor-faktor tertentu seperti pandemik, bencana alam atau peperangan, maka mana-mana pihak tidak boleh menuntut apa jua ganti rugi daripada pihak yang lain kerana kejadian yang berlaku bersifat diluar kawalan. Ungkapan "*force majeure*" merujuk kepada perkara-perkara terkecuali yang diluar kawalan ma-



ARTIKEL PILIHAN

[FAMA MEMPERKASA
USAHAWAN TANI](#)

[AYUH PARA USAHA-
WAN! PERKASAKAN
DIRI DAN PERNIAGA-
AN ANDA. IOM
AMALKAN ABCDE
\(BAHAGIAN 2\)](#)

[PASCA COVID-19:
PERSEDIAAN DAN
PERANAN USAHAWAN](#)

[TEKNIK PEMASARAN
MENGUNAKAN
CROWDSOURCING](#)



Ungkapan “*force majeure*” merujuk kepada perkara-perkara terkecuali yang diluar kawalan mana-mana pihak. Untuk menguatkuasa klausa “*force majeure*”, satu pihak hendaklah memberi notis kepada pihak yang lain mengenai keadaan yang berlaku bagi memaklumkan kontrak tidak dapat dilaksanakan.

na-mana pihak. Untuk menguatkuasa klausa “*force majeure*”, satu pihak hendaklah memberi notis kepada pihak yang lain mengenai keadaan yang berlaku bagi memaklumkan kontrak tidak dapat dilaksanakan. Manfaat klausa “*force majeure*” tidak terpakai sekiranya kontrak yang dimeterai tidak memasukkan klausa ini secara khusus.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya tidak terdapat klausa “*force majeure*” di dalam kontrak yang ditandatangani, satu lagi prinsip perundangan yang boleh digunakan dalam mengecualikan pihak berkontrak daripada melaksanakan tanggungjawab kontrak disebabkan oleh PKP dan Covid-19 ialah “*doctrine of frustration*” atau kekecewaan kontrak. Seksyen 57 (2) Akta Kontrak menyatakan kekecewaan berlaku apabila sesuatu kontrak itu mustahil untuk dilakukan disebabkan sesuatu kejadian di mana pembuat janji tidak dapat mencegah, menjadi tidak sah. Kekecewaan kontrak memberikan hak kepada mana-mana pihak berkontrak untuk tidak melaksanakan tanggungjawab.

Namun, terserah kepada mahkamah selepas mengambil kira fakta kes. Untuk menggunakan prinsip kekecewaan kontrak ini bukannya mudah dan tidak sentiasa dibenarkan oleh mahkamah sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam kes Guan Aik Moh (KL) Sdn Bhd v Selangor Properties Bhd dan kes Pacific Forest Industries Sdn Bhd v Lin Wen-Chih. Banyak perkara yang dinilai oleh mahkamah di dalam menentukan sama ada prinsip kekecewaan kontrak boleh digunakan atau tidak.

Sebagai kesimpulan, klausa “*force majeure*” di dalam kontrak dan “*doctrine of frustration*” adalah dua prinsip perundangan yang boleh digunakan sebagai satu pembelaan kepada pihak yang tidak berupaya melaksanakan kewajipan kon-

traktual akibat PKP dan Covid 19. Walau bagaimanapun, bergantung kepada mahkamah di dalam membuat keputusan berdasarkan fakta kes. Oleh itu, undang-undang khas bersifat sementara perlu digubal di Parlimen untuk melindungi perniagaan yang terkesan di negara ini akibat wabak Covid 19.

Rujukan:

- [1] Akta Kontrak 1950
- [2] Donovan & Ho (BD), Covid 19 Movement Control Order: Handling of Contracts and Other Obligations, March 2020 <https://dnh.com.my/covid-19-movement-control-order-handling-of-contracts-and-other-obligations/>
- [3] Poorvi Sanjanwala and Kashmira Bakliwal, What is force majeure? The legal term everyone should know during Covid-19 crisis, May 2020 https://economictimes.indiatimes.com/small-biz/legal/what-is-force-majeure-the-legal-term-everyone-should-know-during-covid-19-crisis/articleshow/75152196.cms?utm_source=contentofinterest&utm_medium=text&utm_campaign=cppst
- [4] Kes Guan Aik Moh (KL) Sdn Bhd v Selangor Properties Bhd [2007] 4 MLJ 20
- [5] Kes Pacific Forest Industries Sdn Bhd v Lin Wen-Chih [2009] 6 MLJ 293